

Toleransi Antara Umat Beragama Menurut Perspektif Syarak

**Mohd Khairul Anuar Ismail^{1,a}, Dr. Muhammad Saiful Anuar Yusoff^{2,b},
Muhammad Luqman Ibnu Hakim Mohd Saad^{3,c}, Mohd Hafizullah Ismail^{4,d},
Nik Abdul Aziz Ismail^{5,e}, Nur Izzatul Husna Burhan^{6,f}**

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan

^{2,3}Akademi Pengajian Bahasa,Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan

⁴Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

^{5,6}Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia

^aanuar785@kelantan.uitm.edu.my, ^bsaiful673@kelantan.uitm.edu.my,
^cluqman701@kelantan.uitm.edu.my, ^dnikaziiz@gmail.com, ^ehefiz08@gmail.com,
^fheynahusna97@gmail.com

Kata kunci : Toleransi, *Samahah*, Umat beragama

Abstrak. Kerukunan hidup beragama menurut Islam hanya dapat diwujudkan apabila adanya toleransi dari semua pihak. Perbezaan agama, budaya, etnik serta warna kulit bukanlah sebab bagi menghalang kehidupan bersatu padu dan harmoni. Islam adalah agama universal yang mengakui dan menerima perbezaan mengikut batas-batas tertentu sebagaimana yang digariskan oleh syariat. Namun demikian, sifat kebebasan yang terbuka serta isu pluralisme agama yang menyatakan bahawa semua agama adalah sama menyebabkan banyak umat Islam mengikutinya dan bekerjasama dengan umat lain sama ada dalam urusan keagamaan, ibadah serta sosial. Kajian ini dijalankan adalah bertujuan menghasilkan satu pemahaman yang sebenar mengenai batas-batas toleransi antara umat beragama dari sudut pandangan syariat Islam. Metode perpustakaan dan penelitian akan digunakan untuk mengumpulkan maklumat berkaitan dan kemudiannya dianalisis menggunakan metode induktif bagi mendapatkan satu kesimpulan mengenai batas-batas toleransi antara umat beragama menurut perspektif syarak. Hasil kajian mendapati syariat Islam menggariskan batas-batas tertentu berkaitan toleransi antara umat beragama merangkumi tiga aspek utama iaitu bidang akidah, ibadah serta kemasyarakatan.

Pendahuluan

Sebagai makhluk sosial, fitrah manusia sering berhajatkan kepada kehidupan tanpa ada rasa permusuhan serta disemai dengan rasa kekeluargaan, persahabatan, bertimbang rasa dan hormat-menghormati antara satu sama lain, lebih-lebih lagi dalam bidang agama.¹ Agama wujud pada dasarnya untuk memberikan petunjuk dan jalan kepada manusia untuk menuju kebahagiaan, kedamaian dan ketenangan jiwa yang berkekalan. Setiap agama memberikan dasar penting bagi penganutnya mengadakan perhubungan dengan yang lain. Adapun suasana kedamaian dan ketenangan dalam pergaulan hidup antara umat beragama tidak mungkin tercipta tanpa adanya toleransi di antara mereka. Perbahasan mengenai toleransi, khasnya toleransi beragama penting dibincangkan sebagai kesan dari pelbagai peristiwa yang berlaku di bumi ini dalam perkembangan sejarah manusia dari dulu hingga sekarang. Perbahasan ini semakin relevan bagi umat Islam mengingatkan banyak tragedi yang menimpa umat Islam sama ada secara langsung mahupun tidak langsung.

Latar Belakang Kajian

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai penduduk pelbagai kaum yang mempunyai budaya, agama, bahasa dan adat resamnya yang tersendiri. Walaupun kaum bergandingan ini berganding bahu di bawah satu sistem politik yang sama namun kehidupan mereka adalah berasingan. Interaksi dalam kalangan mereka juga kurang dan hubungan antara mereka hanya terbatas kepada perkara-perkara tertentu. Oleh hal demikian, soal perpaduan dan toleransi antara kaum adalah merupakan elemen penting dalam menzahirkan landskap kestabilan politik dan seterusnya menjadi prasyarat utama dalam mewujudkan hubungan harmonis di kalangan masyarakat perbagai kaum².

Jika diperhatikan pada masa kini terdapat segelintir pemeluk agama yang bersikap terlalu ta’sub terhadap agamanya sehingga memusihi semua orang yang berlainan agama dan fahaman dengannya, merasa benci dan dendam serta menganggap tindakan itu adalah tidak ditegah dan tidak berdosa. Sementara itu, terdapat juga individu yang melabelkan

diri mereka sebagai Islam dengan perilaku yang melampaui batas-batas syariat Islam. Bahkan ada dalam kalangan mereka menuduh dan memburuk-burukkan umat Islam yang lain dengan menganggap mereka terkeluar dari agama Islam.³ Hal demikian mendatangkan impak negatif dalam kehidupan bermasyarakat umat beragama serta permusuhan antara satu sama lain. Tidak dinafikan bahawa agama merupakan faktor penyatu masyarakat. Akan tetapi sekiranya diselusuri sejarah maka didapati agama juga merupakan faktor pemecah belah atau pemisah masyarakat. Ibnu khaldun sebagai sejarawan Islam berpandangan bahawa betapa sukarnya masyarakat Arab bersatu dengan sikap egonya yang tinggi dan tidak mudah tunduk kepada orang lain. Apabila sampai satu masa mereka bersatu dan membina empayar dan agamalah yang menjadi faktor mereka bersatu.⁴ Perlaksanaan dakwah pada zaman Rasulullah s.a.w di Makkah dan Madinah adalah tertumpu kepada aspek toleransi serta dakwah terhadap non-Muslim disamping penyampaian aspek pendidikan dalam kalangan mereka yang telah memeluk agama. Baginda s.a.w juga senentiasa menunjukkan sikap bersahabat terhadap pemeluk-pemeluk agama lain dan mencerminkan sifat toleransi yang sepatutnya menjadi contoh ikutan utama kepada seluruh umat manusia dalam mempraktikkan sikap toleransi anantara umat beragama.

Objektif Kajian

Kajian dijalankan adalah bertujuan untuk mengenalpasti batas-batas toleransi antara umat beragama menurut pandangan Syarak antara Muslim dengan non-Muslim.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian tinjauan berbentuk kualitatif. Proses pengumpulan data diperolehi menggunakan metode perpustakaan dan penelitian untuk mengumpulkan maklumat berkaitan. Data yang diperolehi kemudiannya dianalisis menggunakan metode induktif bagi mendapatkan satu kesimpulan mengenai batas-batas toleransi antara umat beragama menurut perspektif syarak.

Kajian Lepas

Zaleha binti Sulong (1996) dan Rosmawati bin Ali @ Mat Zin (1992) membahaskan toleransi di Malaysia dengan meyelusuri sejarah berpanduan ajaran Islam. Kajian Mohamad Zaidi, Nur Hafilah dan Bharuiddin (2006) pula menghuraikan asas-asas toleransi dalam Islam iaitu teguh pada prinsip dan sikap terhadap kepercayaan, toleransi terhadap non-muslim iaitu tidak memaksa, tidak mencaci agama lain, melakukan dialog antara agama dengan cara yang baik serta sikap dalam muamalah kehidupan seharian. Manakala Mohd Nidzam Abd. Kadir (2009) mengupas tentang persoalan interaksi sosial antara Muslim dan non-Muslim dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Seterusnya, Mohd Kamil dan Mohd Fauzi (2006) pula mengemukakan asas pemikiran al-Qaradhawi tentang isu toleransi antara agama di Malaysia. Manakala kajian Mohd Rafiq (2000) pula mendapati ajaran Islam dan ajaran Kristian menganjurkan sikap toleransi dalam kalangan penganutnya dan penganut agama lain.

Berbeza dengan kajian Kassim Thukiman, Hamidah Abdul Rahman, dan Suaibah (2009) dan Mohd Suhaily bin Rosdi (2001) mendapati peruntukan Enakmen Pentadbiran Islam Negei-negeri berhubung kebebasan beragama serta Perlembagaan Malaysia yang memberi kebebasan kepada seseorang untuk menentukan agama yang dianuti, adalah selari dengan tuntutan Islam. Manakala Khadijah Mohd Khambali @ Hambali dan Mohd Herzali Mohd Haled (2008) pula membahaskan tentang toleransi berdasarkan artikel 11 Perlembagaan Persekutuan dan mendapati kesedaran amalan toleransi beragama di Malaysia masih lagi berada pada tahap yang ‘kabur’ serta memerlukan langkah segera dengan bijaksana bagi memastikan keluhuran perlembagaan dan toleransi beragama terus dipelihara. Namun, kajian yang dijalankan ini adalah berbeza kerana memfokuskan kepada analisa hukum syarak mengenai toleransi antara umat beragama secara menyeluruh meliputi bidang akidah, ibadah serta kemasyarakatan.

Terminologi Toleransi

Perkataan toleransi berasal dari bahasa Latin ‘*tolerantia*’ bermaksud ketahanan⁵ Dalam bahasa Inggeris pula berasal dari perkataan ‘*tolerance*’ atau ‘*toleration*’ merujuk kepada perbuatan.⁶ Toleransi menurut kamus dewan pula merujuk kepada sedia menghormati atau menerima pendapat orang lain yang berbeza dari pendapat sendiri.⁷ Sementara dalam bahasa Arab pula merujuk kepada perkataan ‘*tasamuh*’ atau ‘*ihthimal*’ bermaksud sikap membiarkan dan lapang dada. Manakala dari segi istilah pula, Menurut Umar Hasyim, toleransi diertikan sebagai pemberian kebebasan kepada sesama manusia atau sesama warga masyarakat untuk mengatur hidup dan nasib masing-masing selama mana tidak melanggar syarat-

1 Imam Munawwir, 1984, hlm. 9.

2 Mansor Mohd Noor, Mohd. Ainuddin Iskandar Lee Abdullah, Rusdi Omar (2005), hlm.170.

3 Yusuf Qardhawi, 1995, hlm. 962.

4 Fuad Muhammad Shibel, 1997, hlm. 2.

5 Preston King, 1976, hlm. 2.

6 Jaffary Awang Muda *at.all*, 2007, hlm. 98.

7 Hajah Noresah bt. Baharom, 1994, hlm. 1436.

syarat wujudnya ketertiban dan pendamaian dalam masyarakat. Mohd Nasir pula berpendapat toleransi beragama yang dituntut oleh Islam bukanlah bersifat pasif, sebaliknya perlu bersifat proaktif dan positif.⁸ Oleh itu, toleransi anantara umat beragama dapat dirumuskan sebagai satu sikap keterbukaan untuk mendengar pandangan yang berbeza, berfungsi sebagai dua arah iaitu mengemukakan pandangan serta menerima pandangan yang tidak merosakkan pegangan agama masing-masing dalam ruang lingkup yang telah disepakati bersama untuk mencari nilai persamaan seterusnya dizahirkan melalui interaksi yang telus dan rasional dalam aklangan masyarakat beragama.

Toleransi Antara Umat Beragama

Islam adalah agama yang membawa kesejahteraan, kedamaian dan keharmonian untuk insan sejagat. Semenjak kelahiran Islam, hubungan muslim dan non-muslim telah terjalin sehingga melepasi batas geografi negara Arab. Dengan tertubuhnya negara Islam Madinah dibawah pimpinan Rasulullah S.A.W diikuti dengan khalifah-khalifah sesudah baginda, hubungan muslim dan non-muslim dilihat semakin ketara. Dilihat dalam konteks semasa pada era globalisasi kini, interaksi antara muslim dan non-muslim adalah lebih meluas.⁹ Sehubungan dengan itu, kajian ini akan membahaskan mengenai toleransi antara umat beragama berdasarkan saranan syariat Islam yang dibagikan kepada tiga skop iaitu toleransi dalam bidang akidah, ibadah serta kemasyarakatan.

Toleransi dalam Bidang Akidah

Islam telah menetapkan prinsip-prinsip kebebasan sama ada kebebasan beriktikad, berfikir, berbicara dan mengemukakan pendapat. Antara perlaksanaan hak kebebasan beragama dalam Islam ialah:¹⁰

- i. Tidak memaksa seseorang meninggalkan agamanya atau memaksanya menganut akidah tertentu. Firman Allah SWT bermaksud; *“Tidak ada paksaan dalam Agama (Islam)”*¹¹.
- ii. Adalah menjadi hak ahli kitab untuk melaksanakan perintah-perintah agamanya dengan bebas. Gereja-gereja mereka tidak boleh dirobohkan dan salib-salib mereka tidak boleh dimusnahkan. Allah SWT berfirman yang bernaksud: *“Bagi kamu agama kamu, dan bagiku agamaku”*.¹²
- iii. Islam melindungi hak non-Muslim dan menghormati keperibadian mereka dengan memberikan kebebasan berdebat dan bermujadalah dalam batas-batas pemikiran dan menurut cara-cara sopan, tidak kasar dan tidak pula memaksa sebagaimana firman Allah Taala bermaksud: *“Dan janganlah kamu berbahas dengan ahli Kitab melainkan dengan cara yang lebih baik, kecuali orang-orang yang berlaku zalim di antara mereka....”*.¹³

Menurut Imam Munawwir, Kebebasan beragama menurut Islam adalah terdiri daripada tiga unsur iaitu:¹⁴

- i. Pemikiran bebas dan tidak terikan dengan kefanatikan kebangsaan, taqlid atau nafsu yang biasanya bermaharajalela atas nama agama.
- ii. Larangan memujuk atau memaksa untuk menarik kepercayaan.
- iii. Beramal sesuai dengan kepercayaan dan memudahkan setiap penganut agama.

Manakala dari sudut peringkat pula, menurut Yusuf al-Qaradhawi secara umumnya terdapat tiga peringkat toleransi dalam Islam antara Muslim dan non-Muslim. Peringkat paling rendah iaitu membiarkan pihak yang berlainan agama bebas dalam agama dan akidahnya tetapi tidak dibenarkan mengadakan upacara keagamaan yang diwajibkan oleh akidah mereka. Serta tidak mengizinkan mereka meninggalkan apa yang mereka aggap haram keatas mereka. Toleransi peringkat pertengahan pula ialah membiarkan mereka menganut apa sahaja fahaman yang diingini dan tidak memaksa mereka meninggalkan apa yang dipandang sebagai wajib atau melakukan apa yang dipandang sebagai haram oleh agama mereka. Misalnya, orang Yahudi beriktikad bahawa haram bekerja pada hari sabtu. Maka dia tidak diseruh bekerja pada hari sabtu kerana akan merasakan bahawa dia telah menyalahi agamanya. Peringkat toleransi paling tinggi pula adalah membiarkan mereka melakukan apa sahaja yang diiktikad sebagai halal oleh agama mereka, walaupun bertentangan dengan agama Islam. Misalnya, minum arak dan makan daging babi dibolehkan bagi penganut Kristian.

Manakala dalam konteks penganut agama Islam pula tidak boleh menganggap bahawa kebebasan beragama dalam Islam bermaksud mereka boleh menukar agama Islam dengan agama lain.¹⁵ Ini kerana sekiranya demikian telah dikira murtad iaitu satu jenayah besar dengan syirik kepada Allah Taala dan hendaklah dihukum bunuh. Agama Islam

tidak tidak memaksa non-Muslim untuk memeluk agama Islam, tetapi apabila mereka telah memeluk agama Islam, maka dengan sendirinya mereka bertanggungjawab menjaga kehormatan agama Islam.¹⁶

Toleransi dalam Bidang Ibadah

Islam merupakan agama fitrah serta selari dengan naluri umat manusia. Oleh kerana itu wujudnya toleransi dalam bidang ibadah terhadap pemeluk agamanya sendiri mahupun kegiatan ibadah pemeluk agama selainnya. Upacara keagamaan kesemua agama pada umumnya mengandungi dua unsur iaitu unsur akidah atau ibadah dan unsur perayaan, hiburan atau kegiatan lain.

Islam melarang penganutnya menghadiri atau mengikuti upacara keagamaan yang mengandungi unsur akidah dan ibadah dari agama lain. Contohnya ialah mengikuti puji-pujian keagamaan pada peringatan Natal atau mengikuti persembahan ‘*sesajan*’ pada peringatan Wesak. Sebaliknya pula, Islam tidak melarang penganutnya menghadiri atau mengikuti upacara keagamaan yang hanya mengandungi unsur perayaan, hiburan atau kegiatan lain. Misalnya, seorang Muslim menghadiri upacara kemasyarakatan seperti hari kemerdekaan dan sebagainya.¹⁷ Demikian juga upacara keagamaan yang diselenggara oleh umat Islam sama ada di masjid ataupun di luarnya pula hanyalah untuk umat Islam. Namun, Islam tidak melarang umat beragama lain menyaksikan dan turut menghidirinya, asalkan mereka bersikap diam dan tidak mengganggu upacara keagamaan tersebut.

Manakala, berkaitan amalan ibadah non-Muslim pula, Islam memberikan kebebasan kepada non-Muslim menerapkan peraturan agamanya dalam urusan perkahwinan, talaq, nafkah dan lain-lain. Mereka bebas melaksanakannya tanpa batas atau ikatan-ikatan tertentu.

Toleransi dalam bidang kemasyarakatan

Sebagai makhluk sosial, setiap manusia berhajatkan kepada hubungan rapat dalam masyarakat dengan hidup berdamping secara damai. Kehidupan bermasyarakat adalah merupakan satu kekuatan. Akan tetapi kesempurnaan kekuatan ini tidak terjadi melainkan setiap individu dalam masyarakat memainkan peranan masing-masing. Oleh kerana itu, bagi merealisasikan toleransi kehidupan bermasyarakat maka perlu memiliki dua sikap utama iaitu:

i. Saling menghormati pendapat orang lain. Islam menggariskan bahawa dalam kehidupan bersosial, setiap ahli masyarakat mestilah menghormati perbezaan fikiran, pendapat serta keyakinan individu lain dengan menghormati kebebasan berfikir dan tidak memaksa pihak lain menerima pendapatnya.¹⁸ Firman Allah SWT bermaksud:

*“Oleh itu berikanlah sahaja peringatan (Wahai Muhammad, kepada manusia, dan janganlah berdukacita kiranya ada yang menolaknya), kerana sesungguhnya engkau hanyalah seorang rasul pemberi ingatan. Bukanlah engkau seorang yang berkuasa memaksa mereka (menerima ajaran Islam yang engkau sampaikan itu)”*¹⁹.

Selain itu juga, Islam menganjurkan supaya tidak meninggikan suara dan berkata-kata dengan lemah-lembut serta menghindari segala bentuk penghinaan dan celaan²⁰ sebagaimana firman Allah Taala bermaksud:

“Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik...”.²¹

ii. Menghormati status sosial orang lain. Islam menganjurkan aspek penyatuan ummah, kasih-sayang dan kemesraan serta mengeratkan tali persaudaraan sama ada sesama muslim mahupun non-muslim. Atas dasar ini, maka semua manusia tanpa mengira warna kulit, bangsa tau agama berhak untuk berhimpun dibawah perlindungan sistem sosialnya. Bagi menjaga keharmonian dalam masyarakat yang terdiri daripada pelbagai status sosial, maka jalinan tersebut hendaklah didasarkan kepada *ihsan*, sebagaimana Firman Allah Taala bermaksud:

“Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua; dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan jiran tetangga yang dekat, dan jiran tetangga yang jauh, dan

8 Muhammad Nasir,1983, hlm. 202.

9 Abdul Ghafar Haji Don, Berhanundin Abdullah, Zulkiple Abd. Ghani, 1998, hlm. 53.

10 Sayid Sabiq, 1942, hlm.186-188.

11 Al-Quran, Al-Baqarah 2: 256.

12 Al-Quran, Al-Kaafirun 109: 6.

13 Al-Quran, Al-Ankabut 29: 46.

14 Imam al-Munawwir, 1984, hlm. 51.

15 Suzana Ismail, hlm. 32.

16 Saleh Ibrahim, 1998, hlm. 285.

17 Masjfuk Zuhdi, 1998, hlm. 124.

18 Ramli Awang, 2008, hlm. 70.

19 Al-Quran, Al-Ghasyiah 88: 21-22

20 Ramli Awang , 2008, hlm. 73

21 Al-Quran, Al-Nahl 16: 125

*rakan sejawat, dan orang musafir yang terlantar, dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang Yang sombong takbur dan membangga-banggakan diri”*²².

Ihsan yang dimaksudkan dalam ayat tersebut bukanlah sekadar pemberian dan layanan bauk sahaja, tetapi meliputi hubungan sosial dalam setiap anggota masyarakat sama ada sesama muslim mahupun non-muslim. Ihsan kepada ibu bapa dengan menghormati, menyayangi dan menjaga kepentingan mereka. Ihsan kepada anak yatim adalah dengan menunjukkan simpati, melindungi dan menumpahkan kasih-sayang yang belum mereka resakan. Ihsan kepada fakir miskin dengan berbuat baik dan membantu mereka. Ihsan kepada tetangga dan kerabat dengan memlihara hak jiran tetangga. Manakala ihsan kepada isteri atau teman adalah dengan menghindari perkara yang tidak baik kepadanya, mewujudkan tali persahabatan yang intim, memelihara tatatertib pergaulan dan melimpahkan kasih sayang kepada mereka. Ihsan kepada musafir terhadap pengembaraannya pula, adalah dengan memberi petunjuk yang diperlukan serta kemudahan dalam perjalanan sehingga kepulangannya.²³

Antara kaedah yang digariskan dalam syariat berkaitan persaudaraan antara individu bagi menjaga keharmonian masyarakat ialah:²⁴

- i. Islam menghalang pergaulan bebas antara individu yang berlainan jantina.
- ii. Islam memerintahkan penganutnya menutup aurat
- iii. Hiburan dan perkara yang cenderung merangsang nafsu syahwat dan norma-norma moral adalah tidak dibenarkan
- iv. Islam memerintahkan untuk menghindari permusuhan, pertikaian sosial serta sifat asabiyyah.

Isu-isu Toleransi antara umat beragama

Masyarakat muslim hari ini terapksa berhubungn dengan non-muslim dalam pelbagai urusan seharian. Lanjutan daripada itu, timbul beberapa persoalan mengenai ketidaktentuan hukum syarak dalam isu tertentu berkaitan toleransi antara umat beragama.

i. Isu toleransi dalam bidang akidah. Dewasa ini terdapat kecenderungan media massa dan syarikat perniagaan mempromosikan konsep perkongsian perayaan apabila dua perayaan disambut pada dua tarikh yang hampir sama. Ekoran daripada itu, maka lahirlah istilah seperti ‘kongsi raya’ atau ‘deepa raya’ yang kononnya menggambarkan keharmonian masyarakat. Kongsi raya dapat diertikan sebagai satu perhimpunan pelbagai kaum bagi tujuan memeriahkan sesuatu perayaan bagi sesuatu kaum oleh pihak-pihak tertentu.²⁵ Secara umumnya, upacara keagamaan mengandungi dua unsur iaitu unsur akidah atau ibadah dan unsur perayaan atau hiburan. Islam melarang penganutnya mengikuti upacara keagamaan yang mengandungi unsur akidah dan ibadah dari agama lain kerana perbuatan tersebut boleh membawa kepada syirik iaitu satu dosa besar menurut pandangan Islam. Sebaliknya pula, Islam tidak melarang pengikutnya menghadiri upacara keagamaan yang hanya mengandungi unsur perayaan, hiburan atau kegiatan lain seperti upacara kemasyarakatan, kemerdekaan dan sebagainya.

Mengenai persoalan persoalan perkongsian perayaan, Dr. Yusuf al-Qaradhawi²⁶ dan Ibnu Taimiyyah²⁷ berpendapat bahawa hukum kaum muslimin turut serta merayakan perayaan non-muslim dan sebaliknya adalah dilarang. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

*“Dan mereka (yang diredhai Allah itu ialah orang-orang) yang tidak menghadiri tempat-tempat melakukan perkara-perkara yang dilarang, dan apabila mereka bertembung dengan sesuatu yang sia-sia, mereka melaluinya dengan cara membersihkan diri daripadanya”*²⁸.

Imam al-Qurtubi menjelaskan bahawa ayat diatas merujuk kepada sifat hamba Allah adalah mereka tidak menghadiri pendustaan dan kebatilan atau tidak menyaksikannya. Hal tersebut adalah disepakati oleh Al-Dahhak, Ibnu Zaid dan Ibnu Abbas yang menjelaskan bahawa majlis dusta yang dimaksudkan dalam ayat ini ialah perayaan-perayaan orang kafir.²⁹

Seterusnya, persoalan tentang memenuhi jemputan perayaan non-Muslim. Sekiranya Muslim menghadiri jemputan tersebut bertujuan memenuhi kehendak jiran, hak rakan, serta perayaan tersebut bersihdari acara kegamaan maka tidak

ada sebab bagi menghalang perbuatan tersebut.³⁰ terdapat dua syarat bagi memenuhi jemputan perayaan non-Muslim iaitu:³¹

- a. Lokasi diadakan selain dari rumah ibadat non-Muslim kerana ianya menjadi simbolik kepada perayaan agama dan seolah-olah meredhai perayaan tersebut. Sekiranya diadakan di rumah atau dewan ianya tidak lagi melambangkan perayaan agama semata-mata tetapi telah bercampur denga program sosial dan kemasyarakatan.
- b. Tidak bertujuan untuk mengagungkan agama lain seperti hadir dengan tujuan menghubungkan tali persahabatan, kejiranan dan aktiviti bermasyarakat.
- c. Tidak dihidangkan dengan makanan dan minuman haram.

ii. Isu toleransi dalam bidang ibadah. Antara isu toleransi umat beragama dalam bidang ibadah ialah persoalan mengenai non-muslim memasuki masjid atau muslim memasuki rumah ibadat non-muslim. Para ulama berbeza pendapat mengenai non-muslim memasuki Masjid Haram dan masjid-masjid lain. Menurut Imam Syafie, Iman Ahmad dan Imam Malik, non-muslim diharamkan memasuki Masjid Haran di Makkah. Manakala Imam Abu Hanifah dan ulama’ Kufah pula berpandangan dibenarkan dengan keizinan pemerintah dan hanya boleh menetap disana dengan kadar seorang musafir sahaja.³² Firman Allah Taala bermaksud:

*“Wahai orang-orang Yang beriman! Sesungguhnya orang-orang kafir musyrik itu najis, oleh itu janganlah mereka menghampiri Masjid Al-Haraam sesudah tahun ini...”*³³.

Berdasarkan ayat diatas, sebagian ulama’ berpendapat ianya merujuk kepada semua masjid dan sebahagaian lain berpendapat larangan tersebut bukanlah kepada semua masjid. Keharusan non-muslim memasuki masjid adalah berdasarkan peristiwa tawanan bernama Thumamah bin Uthal yang pernah diikat pada tiang masjid sebelum dia memeluk Islam serta peristiwa rombongan Kristian tinggal di dalam masjid ketika bertemu Rasulullah SAW.³⁴ Walau bagaimanapun non-muslim hendaklah diingatkan agar menghormati masjid, menutup aurat serta bertujuan baik. Manakala tidak menjadi kesalahan bagi muslim memasuki rumah ibadat non-muslim untuk tujuan yang tidak bercanggah dengan syariat dan mendapat keizinan terlebih dahulu. Sekiranya tidak menimbulkan fitnah, seseorang muslim adalah dibenarkan bersolat di rumah ibadat agama lain.³⁵

Kesimpulan

Islam merupakan satu cara hidup yang meliputi hubungan dengan Penciptanya dan juga hubungan sesama manusia sama ada sesama muslim mahupun berlainan agama. Perbezaan agama, budaya, warna kulit serta etnik bukanlah menjadi sebab bagi menghalang kehidupan bersatu padu dan harmoni. Islam membenarkan penganutnya bertoleransi dan bermuamalah dengan mereka yang berlainan fahaman keagamaan dan bersama-sama membina masyarakat yang aman, kuat dan maju. Adapun asas utama untuk membentuk masyarakat yang maju dan seimbang adalah melalui sikap toleransi dalam segenap aspek kehidupan sama ada dalam bidang akidah, ibadah serta kemasyarakatan sebagaimana yang telah digariskan oleh syariat. Hasil daripada gabungan tersebut maka lahirlah suatu masyarakat yang saling hormat menghormati serta saling bantu membantu tanpa ada permusuhan.

Rujukan

- [1] *Al-Qur’an Al-Karim*.
- [2] Abdul Ghafar Haji Don, Berhanundin Abdullah, Zulkiple Abd. Ghani. 1998. *Dakwah kepada Non-Muslim di malaysia: Konsep, metod dan pengalaman*. Malaysia: Percetakan Asni Sdn. Bhd.
- [3] Abdurrazaq Naufal. 1978. *Al-Quran dan Masyarakat Moden*. Jakarta : Mutiara.
- [4] Al-Qurtubi. 2004. *Tafsir al-Qurtubi*. Beirut: Darul Kutub al-Ilmiyyah.
- [5] Hajah Noresah bt. Baharom. 1994. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.

22 Al-Quran, Al-Nisaa 4:36
23 Abdurrazaq Naufal, 1978, hlm. 85.
24 Mohd Abu Hanipah Ismail, 2000, hlm.107-108
25 Mat Saad Abd. Rahman, 2008, hlm. 212.
26 Qaradhawi, Yusuf, 2002, hlm. 848.
27 Mohammad Atho Mudzahar, 1993, hlm. 117.
28 Al-Quran, Al-Furqan, 25: 72.
29 Al-Qurtubi, 2004, hlm. 85.

30 Mat Saad Abd. Rahman, 2008, hlm. 213.
31 Mohammad Nizam Abd KAdie, 2009, hlm. 5.
32 Asar Abdul Karim, 2010, hlm. 139-140.
33 Al-Quran, Al-Taubah, 9: 28.
34 Mohd Nidzam Abd. Kadir, 2009, hlm. 8.
35 *Ibid*, hlm. 6

- [6] Fuad Muhammad Shibel, 1997, *Kebudayaan Islam Menurut Tinjauan Toynbee*. Jakarta: Bulan Bintang.
- [7] Imam Munawwir. 1984. *Sikap Islam Terhadap Kekerasan, Damai, Toleransi dan Solidaritas*. Malaysia: Penerbit Pemanas Sdn. Bhd.
- [8] Jaffary Awang, Muda @ Ismail Ab Rahman, Rafizah Muhammad @ Muhammad Noor, Arena Che Kassim, tengku Ghani Tengku Jusoh, Mohammad Khatim Hasan. 2007. Toleransi Beragama di Kalangan Pelajar IPTA: Kajian Kes di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Sarawak. Journal Majlis Islam Sarawak 1(1). Kuching: Melien Press Sdn.Bhd.
- [9] Khadijah Mohd Khambali @ Hambali. 2008. Mohd Herzali Mohd Haled, *Toleransi Beragama Dan Amalannya Di Malaysia: Rujukan Kepada Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia* dalam Jurnal Usuluddin.
- [10] Mansor Mohd Noor, Mohd. Ainuddin Iskandar Lee Abdullah, Rusdi Omar. 2005. Hubungan Etnik di Malaysia: Satu Sorotan Ringkas. Dlm. Roziah Omar, Sivamurugan Pandian, Malaysia: Isu-Isu Sosial Semasa. Malaysia: Unit Penerbitan, Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- [11] Masjfuk Zuhdi. 1998. *Studi Islam*. Jilid III. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.
- [12] Mat Saad Abd. Rahman. 2008. Isu-isu dalam Masyarakat Islam Semasa. Malaysia: iBook Publication Sdn. Bhd.
- [13] Mohammad Nidzam Abd. Kadir. 2009. *Fiqh Berinteraksi dengan Non-Muslim: Kaedah Bergaul dengan Rakan, Jiran dan Keluarga Bukan Islam Tanpa Mengabaikan Syariat*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.
- [14] Mohamad Zaidi, Nur Hafilah dan Bharuiddin. 2006. *Asas Toleransi terhadap Kebebasan Beragama Dari Perspektif Islam*, dalam Seminar Hubungan Antara Agama, Jil.4, Universiti Malaya: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam.
- [15] Mohd Abu Hanipah Ismail. 2000. Toleransi Umat Beragama (Kajian Maudhu'iy). Tesis Fakulti Usuluddin, Institut Agama islam Ar-Raniry: Aceh
- [16] Mohammad Atho Mudzahar. 1993. Fatwa-fatwa Majlis Ulama' Indonesia: Sebuah Studi Tentang Pemikiran HukIslam di Indonesia (1975-1988). Siri XVII. Jakarta: Netherlands Cooperation in Islamic Studies (INIS).
- [17] Muhammad Nasir.1983. *Islam dan Kristien di indonesia*. Jakarta: Media Dakwah.
- [18] Mohd Nidzam Abd. Kadir. 2009. *Fiqh Berinteraksi dengan non-Muslim: Kaedah Bergaul dengan Rakan,Jiran dan Keluarga bukan islam Tanpa Mengabaikan Syariat* .Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn.Bhd
- [19] Mohamad Kamil Hj Ab. Majid dan Mohd Fauzi Hamat. 2006. *Bicara al-Qaradhawi Tentang Islam dan Hubungannya dengan Agama lain dalam konteks Pengharmonian Kehidupan Beragama di Malaysia*. Universiti Malaya: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam.
- [20] Moh. Rofiq. 2000. *Toleransi Kehidupan Beragama Di Indonesia: Pengalaman Umat Islam Dan Kristian*. Tesis Siswazah, Jabatan Syariah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [21] Mohd Suhaily bin Rosdi. 2001. *Kebebasan Beragama Menurut Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan: Satu kajian Kes*. Kertas Projek, Jabatan Syariah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- [22] Preston King. 1976.*Toleration*. Jakarta: Penerbit Publicita.
- [23] Qaradhawi, Yusuf. 2002. *Fatwa-fatwa Kontemporer*. Jilid 3. Jakarta: Gema Insani Press.
- [24] Ramli Awang. 2008. *Dialog antara Agama Dari Perspektif Al-Quran*. Malaysia: Penerbit Universiti Teknologo Malaysia Press
- [25] Rosmawati bin Ali @ Mat Zin. 1992. *Asas-Asas Perpaduan Menurut Masyarakat Majmuk Menurut Al-Qur'an Dan Al-Sunnah: Kajian Dasar Dan Perlaksanaannya Di Malaysia*.
- [26] Saleh Ibrahim. 1998. Murtad di Malaysia:Satu kajian kes. Disertasi Dr. Falsafah, Jabatan Syariah: UKM Bangi
- [27] Sayid Sabiq. 1942. *Sumber kekuatan Islam*. Terj. Salim Bahreisy dab Said Bahreisy. Surabaya:PT Bina Ilmu Offset.

[28] Suzana Ismail. 2007. Kebebasan Beragama dari Perspektif Islam, Tesis Prasiswazah, jabatan Usuluddin, Bangi: UKM.

[29] Zaleha binti Sulong. 1996. Hak Asasi manusia Menurut Perspektif Islam: Satu Kajian Mengenai Kebebasan beragama Menurut Perlembagaan Persekutuan. Kertas Projek Projek Jabatan Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.